



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN**

**NAMA KURSUS : MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN  
AMALAN**

**KOD KURSUS : DSM3133**

**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)

  - i. Bahagian A mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan.
  - ii. Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR

PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN

NAMA KURSUS : MALAYSIA: UUDANG-UDANG DAN  
AMALAN  
KOD KURSUS : DSM183  
PEPERIKSAAN : APRIL 2019  
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA GALON

1. Kertas kerja ini mengandungi GUA (2) dan/atau GUB (2) berkaitan dengan (1) dan/atau (2) di bawah ini.  
Berkaitan dengan (1) dan/atau (2) di bawah ini.

1. Bahagian A mengandungi (1) dan/atau (2) berkaitan dengan SEMUA di bawah ini. Kertas jawapan  
Bahagian A ini mengandungi BMPAT (4) dan/atau (2) berkaitan dengan jawapan di  
dalam buku jawapan.
2. Kertas kerja ini mengandungi (1) dan/atau (2) berkaitan dengan jawapan kepada  
dengan kandungan jawapan berkaitan.
3. Sila pastikan untuk setiap bahagian berikut dijawab di dalam buku jawapan ini.  
Kertas Soalan  
Buku Jawapan

KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terangkan peristiwa-peristiwa penting berkaitan dengan Kesatuan Sekerja di Malaysia yang berlaku sekitar tahun 1945-1947.

(15 markah)

- b. Mengapakah pihak majikan dan pekerja perlu mewujudkan hubungan yang baik dalam perhubungan perindustrian?

(5 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan konsep input dan prosedur dalam sistem perhubungan perindustrian.

(10 markah)

- b. Bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia boleh meningkatkan kebolehpekerjaan tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Bagaimanakah objektif Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) digunakan untuk membantu anggota kesatuan sekerja dalam usaha memperkembangkan perhubungan perusahaan di Malaysia?

(12 markah)

- b. Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang mungkin boleh diambil oleh pihak majikan untuk mengekalkan keharmonian dalam organisasi, sekiranya majikan menolak penubuhan kesatuan sekerja?

(8 markah)

**SOALAN 2**

- a. Anda adalah pengerusi bagi sesebuah kesatuan sekerja yang amat berpengaruh dan mempunyai ahli yang ramai. Kesatuan sekerja anda telah mengenakan yuran kepada ahli-ahlinya. Oleh sebab itu, kesatuan sekerja anda mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Apakah tujuan kesatuan sekerja mengenakan yuran kepada ahli-ahlinya?

(8 markah)

- b. Sebagai pegawai kesatuan sekerja, bagaimanakah anda melaksanakan tanggungjawab anda untuk memastikan supaya kesatuan sekerja anda tidak ditarik balik pendaftarannya?

(12 markah)

**SOALAN 3**

- a. Bagaimanakah kaedah penimbangtaraan boleh digunakan untuk menyelesaikan kebuntuan dalam rundingan bersama?

(12 markah)

- b. Jika anda adalah Pengerusi Kesatuan Sekerja Syarikat Vanilla Sdn. Bhd., apakah usaha anda untuk memastikan proses rundingan bersama dapat dilaksanakan secara aman?

(8 markah)

**SOALAN 4**

- a. Berdasarkan kepada pengetahuan anda, bolehkah sesetengah perbuatan berkaitan intimidasi dianggap salah? Jelaskan jawapan anda.

(9 markah)

- b. Bagaimanakah majikan boleh mengenal pasti bahawa sesuatu tindakan yang dilakukan oleh sekumpulan pekerja dikatakan sebagai tindakan perusahaan?

(11 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

O

O